

KENYATAAN AKHBAR


Brunei terima planet dan bintang untuk dinamakan

Pada 03 Zulhijjah 1440 / 04 August 2019

Disediakan oleh Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam

Bandar Seri Begawan – Kesatuan Astronomi Antarabangsa (*International Astronomical Union*, IAU) telah menganugerahkan Negara Brunei Darussalam sebuah planet dan sebutir bintang induknya pada 2 Ogos 2019 untuk diberikan nama yang sesuai oleh rakyat negara ini.

Pihak IAU telah memperuntukkan sebuah planet dan bintangnya kepada setiap negara di dunia untuk dinamakan. Brunei Darussalam juga telah diberikan sebutir bintang HD 179949 dan sebuah planet gergasi bergas (exoplanet HD 179949b) yang terletak dalam buruj Sagittarius untuk dinamakan.



Atas: Gambar konsep planet HD 179949b mula ditemui pada tahun 2000 yang mana exoplanet tersebut telah diperuntukkan kepada negara Brunei Darussalam untuk dinamakan (sumber: *International Astronomical Union*)

Exoplanet adalah planet yang mengelilingi bintang lain di luar sistem suria. Setakat ini, sebanyak 4,000 exoplanet telah berjaya ditemui dan kebanyakannya belum diberikan nama yang sesuai.

Buat julungkalinya, program Name Exoworld Brunei Darussalam telah dilancarkan pada 4 Ogos 2019 oleh Haji Mahadi bin Haji Md Tahir, Yang Di Pertua Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam (PABD) semasa pengumuman khas Persatuan berkenaan yang disiarkan langsung di atas talian melalui laman Facebook persatuan berkenaan.

Kempen peringkat kebangsaan ini dianjurkan oleh Persatuan PABD selaku *IAU National Outreach Coordinator* dengan sokongan pihak-pihak tertentu untuk memberikan peluang kepada rakyat dan penduduk negara ini untuk menamakan bintang dan planet tersebut bermula Ogos ini.

Haji Mahadi dalam ucapan pelancaran program tersebut berkata “Program global ini akan memberikan peluang orang Brunei kitani untuk menamakan bintang dan planet tersebut, yang mana cadangan nama yang terpilih nanti akan diabadikan untuk generasi kita yang akan datang.”

Program Menamakan Bintang dan Exoplanet (*Name Exoworlds*) merupakan inisiatif global sempena sambutan 100 tahun Kesatuan IAU.

Syarat-syarat bagi mencadangkan nama bintang dan planet tersebut berserta maklumat program NameExoWorlds boleh dicapai dengan melayari laman web www.bruneiastronomy.org/NameExoWorlds

Penyertaan bagi program ini adalah dibukakan kepada orang ramai di negara ini yang akan bermula pada 10 Ogos ini hingga 10 Oktober 2019.

Cadangan-cadangan nama planet dan bintangnya akan dipilih secara undian secara atas talian (*online*) oleh orang ramai. Nama yang mempunyai undian tertinggi oleh negara ini akan dimaklumkan terus kepada pihak IAU untuk penelitian terhadap cadangan tersebut, dan keputusan nama planet dan bintang tersebut akan dimaklumkan secara rasmi daripada IAU pada Disember tahun ini.